

Tiada aduan ketidakhadiran penjawat awam: CUEPACS

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak menerima sebarang aduan berkaitan isu penjawat awam berada di luar kawasan, kata presidennya, Adnan Mat.

Katanya, perkara itu tidak timbul kerana kakitangan awam sudah dimaklumkan menerusi pekeliling bahawa mereka mesti berada di tempat mereka bertugas ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula.

Malah, katanya, kerajaan sudah memberi kelonggaran membenarkan rentas negeri selepas PKP berkuat kuasa baru-baru ini.

"Kita tiada masalah untuk memastikan keberadaan kaki-

tangan iaitu di rumah masing-masing dan sudah menggunakan mekanisme merekodkan kehadiran misalnya melalui aplikasi MySejahtera, MyKe-hadiran atau memantau menerusi pemeriksaan mengejut.

"Mekanisme pengemaskinian keberadaan ini jelas menunjukkan di mana penjawat awam sepatutnya berada, bertugas seperti biasa dan bukanlah bercuti seperti dianggap kebanyakannya pihak apabila bekerja dari rumah (BDR)," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata kerajaan akan memperkemaskan sistem pemeriksaan kehadiran penjawat awam di pejabat kerajaan

bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berterusan berikutan pelaksanaan PKP ketika ini.

Ia berikutnya masih terdapat lompong yang perlu diperbaiki dalam sistem berkenaan dan yakin ia dapat diatasi segera.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, CUEPACS juga memandang berat isu terbabit kerana ia membabitkan persepsi dan berkait dengan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

"Kita hanya mempunyai masalah itu pada awal pelaksanaan PKP pertama tahun lalu kerana ketika itu juga pada musim cuti sekolah."

"Namun, PKP kali ini memang ada kalangan penjawat awam kembali ke kampung



Adnan Mat

halaman kerana menghantar anak mereka berikutan ada pusat asuhan, TASKA dan nurseri ditutup tetapi mereka perlu hadir ke pejabat kerana tuntutan tugas petugas barisan hadapan," katanya sambil menambah penjawat awam juga sedia terbabit dengan peminjaman kakitangan untuk melicinkan urusan pentadbiran.

"Jadi hal ini tidak sepatutnya digembar-gemburkan kerana BDR adalah norma baharu dan bukan maksudnya penjawat awam bercuti," katanya.